

Dr. Mahathir

UM 18 JUN 2003

KUALA LUMPUR 17 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berjanji tidak akan membuat kejutan dalam Perhimpunan Agung UMNO kali ini dengan mengumumkan persaraan lebih awal dari yang dijanjikan.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak akan berbuat sesuatu yang akan menjejaskan kewibawaannya sendiri dan akan tetap berpegang kepada janji yang dibuatnya setahun lalu.

“Saya akan pegang kepada pengakuan yang saya telah buat.

“Saya tidak mungkin membuat sesuatu yang akan menjejaskan kredibiliti saya,” tegasnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan Amanat Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-57 di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Dr. Mahathir menjawab soalan pemberita sama ada beliau akan meletakkan jawatannya di akhir perhimpunan kali ini bagi mengambil semangat Perdana Menteri dan Presiden UMNO terdahulu, Tun Hussein Onn yang meletakkan jawatan pada Perhimpunan Agung.

Ketika menggulung perbahasannya pada perhimpunan tahun lalu, Dr. Mahathir mengejutkan parti dan negara dengan mengumumkan

janji tidak buat kejutan

persaraannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO yang berkuat kuasa serta-merta.

Bagaimanapun, ucapan beliau dihalang oleh para pemimpin UMNO yang bersama-sama dengannya di pentas.

Pada malam itu juga, Majlis Tertinggi UMNO membuat keputusan sebulat suara menolak peletakan jawatan Dr. Mahathir.

Perdana Menteri pada keesokan harinya membuat satu pelan peralihan yang menyaksikannya mengekalkan semua jawatan selama 16 bulan iaitu sehingga Oktober tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak mempunyai sebarang harapan luar biasa dalam Perhimpunan Agung kali ini dan menjanjikan berjalan lancar seperti biasa.

“Saya rasa ia adalah satu Perhimpunan Agung biasa, tidak ada perbezaannya.

“Cuma kali ini merupakan kali terakhir saya membuka Perhimpunan Agung secara rasmi, itu sahaja perbezaannya,” ujar beliau.

Tambahnya, perhimpunan pada tahun lepas sudah cukup untuk menjadi sebagai perhimpunan yang beremosi berikutan pengumumannya untuk meletakkan jawatan.

“Sekarang kita sudah letih, tidak mahu dipenuhi air mata lagi, sudah kering,” ujarnya berseloroh.

وقت سميرت

Kuala Lumpur dan kawasan
sewaktu dengannya

. Subuh	5.41	● Asar	4.42
(Syuruk	7.86)	● Maghrib	7.24
● Zuhur	1.15	● Isyak	8.40